

## PELAWAAN PENYERTAAN PERTANDINGAN HACKATHON APLIKASI MUDAH ALIH 2019



The poster for the Hackathon APLIKASI MUDAH ALIH 2019 features the MAMPU logo at the top left. The main title is 'Hackathon APLIKASI MUDAH ALIH 2019' with the tagline 'Meneroka Teknologi, Memangkin Inovasi'. A contact box provides the email 'supports-gamma@mampu.gov.my' and website 'www.gamma.malaysia.gov.my'. A central graphic shows a smartphone with a hand icon. On the right, a trophy icon is next to the text '10 Hadiah Wang Tunai Untuk Dimenangi!!'. Below this, a table lists prizes for 10 teams. At the bottom, a timeline shows registration dates (02-19 OGOS 2019), submission dates (22 OGOS 2019), and competition dates (27 OGOS - 19 SEPT 2019). Logos for GAMMA and SDeC are at the bottom left, and contact information is at the bottom right.

Rank	Prize
PERTAMA	RM 5,000 + MEDAL
KEDUA	RM 3,000 + MEDAL
KETIGA	RM 2,000 + MEDAL
KE 4	RM 1,000
KE 5	RM 900
KE 6	RM 800
KE 7	RM 700
KE 8	RM 600
KE 9	RM 500
KE 10	RM 400

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri akan menganjurkan **pertandingan Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2019 yang akan diadakan secara dalam talian (online) selama 24 hari bermula pada 27 Ogos hingga 19 September 2019**. Pertandingan ini terbuka kepada semua kakitangan Sektor Awam. Objektif pertandingan ini diadakan adalah untuk menjana pemikiran kreatif dan berinovasi penjawat awam dalam menghasilkan aplikasi mudah alih kerajaan yang akan menyumbang kepada sistem penyampaian perkhidmatan berpaksikan rakyat.

3. Sehubungan itu, MAMPU ingin mempelawa kakitangan di kementerian/jabatan dan agensi-agensi tuan/puan untuk menyertai pertandingan ini. Peserta pertandingan ini hendaklah menggunakan perisian sumber terbuka bagi membangunkan aplikasi mudah alih berdasarkan kes bisnes yang disenaraikan dalam Syarat Penyertaan Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2019 seperti di [Lampiran A](#). Sebanyak 10 pasukan terbaik akan dipilih sebagai pemenang dan akan menerima hadiah lumayan berupa wang tunai beserta sijil.

4. Pihak tuan/puan juga dimohon untuk memanjangkan pelawaan ini kepada semua agensi di bawah kementerian/jabatan tuan/puan untuk menyertai pertandingan ini dengan menggunakan semua medium komunikasi sedia ada. Penyertaan boleh dibuat dengan melengkapkan **borang secara dalam talian** melalui [https://drive.google.com/open?id=17bcewVy7qB7Q\\_DQtvbvd6UTnaFOd-SlzEH9ar5\\_i71Q](https://drive.google.com/open?id=17bcewVy7qB7Q_DQtvbvd6UTnaFOd-SlzEH9ar5_i71Q) dengan menggunakan akaun Google. **Tarikh tutup penyertaan adalah pada**

**19 Ogos 2018 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.** Setiap penyertaan akan melalui tapisan awal dan penyertaan yang disenarai pendek akan dimaklumkan melalui e-mel. Maklumat lanjut mengenai pertandingan ini boleh diperolehi melalui laman web di atas. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh disalurkan kepada pegawai berikut:

i) Nama : Puan Nadisah Mohamad

No. Telefon : 03-88726337

Emel : [nadisah@mampu.gov.my](mailto:nadisah@mampu.gov.my)

ii) Nama : Puan Adawiyah Md Ashar

No. Telefon : 03-88725074 / 019-7051816

Emel : [adawiyah@mampu.gov.my](mailto:adawiyah@mampu.gov.my)

5. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Semoga penyertaan dalam pertandingan ini akan menyemarakkan lagi budaya inovasi dalam mencipta produk ICT di kalangan penjawat awam dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.